

Oleh Prof Madya Dr Shukran Abdul Rahman

Ahli Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan  
Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



# Perkhidmatan sokongan psikososial menangani COVID-19

**Warga universiti tawar pelbagai aktiviti diperlukan**

**Sektor** pengajian tinggi di Malaysia berperanan penting untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Universiti di negara ini sudah menjana ilmu, menyesuaikan ilmu dengan keadaan semasa, membina tenaga kerja dan menjalankan aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli masyarakat.

Dalam suasana negara menghadapi situasi wabak COVID-19, warga universiti tampil menawarkan pelbagai aktiviti yang diperlukan oleh petugas kesihatan, pembuat dasar, petugas keselamatan, pesakit serta ahli keluarga mereka dan ahli masyarakat.

Ahli akademik daripada pelbagai bidang dilihat tampil memberikan tenaga secara langsung dan tidak langsung untuk membantu usaha merawat pesakit, mengekang penyebaran wabak, mendidik masyarakat serta memberi sokongan psikososial kepada mereka yang memerlukan. Sebagai contoh, ahli akademik daripada bidang kejuruteraan tampil dengan ciptaan alat kelengkapan barisan hadapan petugas kesihatan.

Ahli akademik ekonomi menya-

lurkan idea untuk mengurus kebijakan rakyat. Ahli akademik daripada bidang sains kemanusian, sains kemasyarakatan dan pengajian agama juga memainkan peranan dengan menyediakan perkhidmatan sokongan psikososial spiritual kepada banyak pihak dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19.

Mereka membantu masyarakat ketika berhadapan dengan situasi awal penularan wabak dan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ilmu sains tingkah laku (psikologi), teori sains kemasyarakatan serta prinsip agama dan moral diaplikasikan dalam pelbagai inisiatif untuk mendidik pelbagai kumpulan sasaran. Usaha ini penting untuk memastikan wujudnya tahap kesihatan mental, emosional dan spiritual dalam kalangan masyarakat dalam situasi ini.

Selain khidmat sokongan psikososial yang ditubuhkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau pertubuhan bukan kerajaan, pasukan sokongan psikososial yang ditubuhkan di universiti juga menyediakan pendidikan psikososial-spiritual (*Psychosocialspiritual education*).

Ini dijalankan melalui penyiaran maklumat melalui media sosial, video, e-mel, laman sesawang, media elektronik serta surat

khabar. Tujuannya adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan tingkah laku kendiri dan sosial yang betul untuk mengekang COVID-19.

Pendidikan psikososial spiritual juga disalurkan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan duduk di rumah atau penjarakan sosial semasa PKP. Bahan yang disediakan oleh sarjana sains sosial dan agama disampaikan secara mudah supaya memberi kesan positif kepada kumpulan sasaran.

Khidmat nasihat dan kaunseling kepada pelajar, kakitangan universiti dan ahli masyarakat juga disediakan untuk membantu mereka mengurus pelbagai tindak balas emosi akibat terdedah kepada situasi tekanan semasa PKP. Perkhidmatan ini disediakan melalui dalam talian dan panggilan telefon.

Kebanyakan individu yang mendapatkan perkhidmatan ini mengalami kegusaran, perasaan cemas, gejala awal kemurungan, keterasingan serta gangguan emosi atau pemikiran yang memerlukan sokongan daripada ahli psikologi atau kaunselor. Mereka tidak dapat meneruskan kehidupan seperti biasa, atau berhadapan dengan kesulitan akibat kemerosotan tahap



**Ahli akademik daripada pelbagai bidang dilihat tampil memberikan tenaga secara langsung dan tidak langsung untuk membantu usaha merawat pesakit, mengekang penyebaran wabak, mendidik masyarakat serta memberi sokongan psikososial kepada mereka yang memerlukan.**

kesihatan psikologikal mereka.

Panduan juga diberikan untuk pekerja mengimbangi tuntutan kerja pejabat dan kerja rumah-tangga. Panduan kepada ibu bapa untuk mengurus anak semasa PKP atau merancang aktiviti keluarga juga disediakan. Selain itu, nasihat juga diberikan mengenai cara

mengurus kerencaman maklumat, sebahagian besarnya boleh memberi kesan kepada tahap kesihatan psikologikal, seperti perasaan cemas atau panik bila terdedah kepada sesuatu maklumat.

Kumpulan sokongan ini juga menjadi perantara masyarakat dengan pihak berkuasa dan agensi bantuan. Terdapat individu yang tiada maklumat atau keberanian untuk mendapatkan sesuatu yang diperlukan daripada pihak berkenaan semasa PKP. Ada yang terputus punca pendapatan tetapi tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan bantuan.

Di samping bertindak berdasarkan maklumat yang diterima, kumpulan ini juga mendapat bantuan ahli akademik lain untuk mengetahui keperluan masyarakat semasa tempoh PKP. Maklumat ini disalur kepada pihak berkuasa, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin masyarakat untuk mereka mengambil tindakan selanjutnya.

Ahli akademik akan terus berperanan untuk mempersiapkan masyarakat dalam menjalani kehidupan pasca PKP atau selepas pandemik COVID-19 berlalu. Kajian lanjutan perlu dijalankan untuk mengenal pasti isu yang perlu diberikan perhatian. Dapatan kajian akan menjadi bahan rujukan untuk mengurus situasi yang sama pada masa hadapan.

Sesungguhnya pembabitan ahli akademik dalam situasi ini menzhirkan peranan universiti di dalam meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan psikologikal masyarakat, selari dengan matlamat utama kewujudannya dalam mewujudkan masyarakat sejahtera.